

## Jepun serah geran RM14.2j

PUTRAJAYA: Jepun semalam menyumbang geran pertama bernilai RM14.2 juta bagi meningkatkan sistem kawalan keselamatan maritim di perairan negara, khususnya Selat Melaka.

Geran itu akan digunakan bagi meningkatkan Sistem Kawalan Perairan Malaysia (MSSS) yang dikendalikan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Majlis menandatangani dan bertukar nota geran itu disempurnakan Duta Jepun ke Malaysia, Masahiko Horie dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Rastam Mohd Isa, di Wisma Putra, di sini, semalam.

Berucap pada majlis itu, Rastam berkata geran itu dapat membantu meningkatkan tahap keselamatan Selat Melaka.

Katanya, program meningkatkan keupayaan sistem itu merangkumi pemasangan sistem pengesan arah radio (RDF) dan sistem elektro-optroniks pada pengesan jarak jauh.

"Sistem RDF berupaya membekalkan maklumat penting meningkatkan langkah keselamatan berkaitan trafik, operasi mencari dan menyelamat selain memintas komunikasi antara kumpulan lanun atau penyeludup," katanya.

Rastam turut menyatakan penghargaan Malaysia kepada Jepun yang konsisten dalam memberi pelbagai bantuan dua hala, kerjasama dan pinjaman dalam bentuk Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) sejak 40 tahun lalu.

"Sumbangan Jepun selama ini membantu Malaysia melaksanakan pelan pembangunan kebangsaan dan pelbagai program lain," katanya.

Sementara itu, Horie berkata keselamatan perairan adalah elemen penting bagi keselamatan antarabangsa Jepun.

Malah, katanya, keselamatan perairan juga adalah kritikal dalam hubungan antara Tokyo dan negara rakan utama, khususnya negara pesisiran Selat Melaka.

"Kami memandang berat harapan tinggi pengguna Selat Melaka dan peningkatan trafik menyebabkan beban kewangan kepada Malaysia (bagi memastikan keselamatan Selat Melaka)," katanya.

---

Hak Cipta Terpelihara 2007 - Berita Harian Sdn. Bhd. [Emel](#) kami sebarang maklum balas. [Kembali ke atas](#)

Resolusi paparan terbaik untuk laman web ini adalah 1024x768.